



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan,  
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh,  
75450 Melaka

Tel: 06-2895000

Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207

Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/melaka>

Ruj. Kami : ANM(B)MEL/04 JLD.6 (26)  
Tarikh : 9 Mac 2022  
Bersamaan : 6 Syaaban 1443H

Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Di bawah seliaan JANM Negeri Melaka

Tuan,

**PROSES CLEAN UP AKAUN-AKAUN PUKAL TELEKOM MALAYSIA BERHAD**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Secara amnya, sekiranya PTJ tidak lagi menggunakan perkhidmatan talian Telekom Malaysia (TM), PTJ hendaklah **membuat penamatan perkhidmatan dengan TM terlebih dahulu** sebelum membuat pembatalan akaun pukal di sistem iGFMAS. Dalam pada itu, PTJ juga boleh menyemak status bil TM yang diterima dan mengambil tindakan penyelesaian seperti yang disyorkan oleh TM di **Lampiran A**.

3. Untuk makluman tuan, TM telah menyemak akaun pengguna dan didapati masih wujud akaun-akaun yang telah tamat perkhidmatan dan juga telah berbaki kredit. Justeru itu, Jabatan ini memerlukan pengesahan amaun daripada PTJ sebelum pihak TM memulangkan baki kredit tersebut ke akaun terimaan Jabatan ini.

4. Sehubungan itu, PTJ yang terlibat perlu menyemak *file excel data clean up* pada *sheet Melaka 1004* dan mengambil tindakan seperti berikut:

4.1 PTJ perlu menyemak **setiap transaksi amaun berbaki kredit** pada column V (*Total Due*) bagi setiap akaun dengan menyemak silang dengan bil yang diterima;

- 4.2 PTJ mengesahkan baki kredit tersebut pada **column W** (pengesahan PTJ) dengan mencatatkan amaun yang terlibat;
- 4.3 PTJ mengemukakan semula *file excel data clean up* tersebut melalui emel **upd\_mlk@anm.gov.my** selewat-lewatnya pada **16 Mac 2022 (Rabu)**; dan
- 4.4 PTJ hendaklah menyemak **Laporan Status Akaun Pukal** bagi akaun-akaun yang terlibat dan membuat **permohonan batal akaun pukal di sistem iGFMAS** sekiranya masih wujud.

5. Adalah diingatkan, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 7/2018 Lampiran D: Garis Panduan Tatacara Pengurusan Bayaran Pukal hendaklah sentiasa dirujuk supaya tatacara dipatuhi dan diambil tindakan sewajarnya. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh menghubungi pegawai-pegawai seperti berikut:

- i) Nor Rashidah binti Kadam (Unit Dana) di talian 06-289 5086
- ii) Mohd Izwan bin Hamidon (Unit Dana) di talian 06-289 5072

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”***

Saya yang menjalankan amanah,



**(ASLIZARIATI BINTI ABU BAKAR C.A(M), ACMA, CGMA)**

Timbalan Pengarah

b.p. Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia,

Negeri Melaka



# CONTOH BIL AKTIF

**RINGKASAN AKAUN**

Caj Terdahulu	RM	Caj Semasa	RM
Baki Terdahulu	597.15	Caj Bulanan	490.00
Bayaran	-597.15	Penggunaan	25.98
		ST	30.96
<b>Jumlah Caj Tertunggak</b>	<b>0.00</b>	<b>Jumlah Caj Semasa</b>	<b>546.94</b>
		<b>Jumlah</b>	<b>546.94</b>
		<b>Amaun Penggenapan</b>	<b>0.01</b>
		<b>Jumlah Perlu Dibayar</b>	<b>546.95</b>

- Stream Code = 10
- Akaun masih aktif.
- Sila semak dengan Pegurus Akaun TM berkenaan status arahan penamatan.

Sila jelaskan bayaran sebelum atau pada tarikh seperti yang tertera di atas.

**SLIP PEMBAYARAN**

POLITEKNIK BANTING SELANGOR  
NO P1688  
POLITEKNIK BANTING  
JLN SULTAN ABDUL SAMAD  
MUKIM BANDAR  
42700 BANTING

No. Akaun: **D93981-333-0904**  
No. Bil: **010122019309**  
Tarikh Bil: **01 FEB 2022**  
Kod Hasil: **014**  
Jumlah Perlu Dibayar: **RM 546.95**

Stream Code = 10



# CONTOH BIL PENAMAT



**RINGKASAN AKAUN**

Caj Terdahulu	RM	Caj Semasa	RM
Baki Terdahulu	786.95	Kewali & Lain - Lain Caj	-24.50
Bayaran	-786.95	Caj Bulanan	-108.40
		Penggunaan	197.61
		ST	3.88
<b>Jumlah Caj Tertunggak</b>	<b>0.00</b>	<b>Jumlah Caj Semasa</b>	<b>68.59</b>
		<b>Jumlah</b>	<b>68.59</b>
		<b>Amaun Penggenapan</b>	<b>0.01</b>
		<b>Jumlah Perlu Dibayar</b>	<b>68.60</b>

- Stream Code = 80
- Akaun Penamat berbaki debit
- TM akan menghantar amaun **Jumlah Perlu Bayar** bagi memastikan tiada tunggakan bagi akaun berkenaan.

Akaun penamat anda ini tertunggak. Sila buat bayaran dengan segera. Kegagalan anda berbuat demikian akan mengakibatkan tindakan undang-undang diambil terhadap anda. Sekiranya anda telah membuat bayaran, sila ubahkan nota ini.

**SLIP PEMBAYARAN**

KETUA POLIS JOHOR | CAW KOMUNIKASI  
IBUPEJABAT POLIS KONTINJEN  
80990 JOHOR BAHRU

No. Akaun: **D90504-581-0103**  
No. Bil: **010122630527**  
Tarikh Bil: **01 FEB 2022**  
Kod Hasil: **014**  
Jumlah Perlu Dibayar: **RM 68.60**

Stream Code = 80





# CONTOH BIL PENAMAT

## RINGKASAN AKAUN

Caj Tertahulu	RM	Caj Semasa	RM
Baki Tertahulu	729.30	Caj Bulanan	-443.87
Bayaran	-729.28	ST	-26.63
<b>Jumlah Caj Tertunggak</b>	<b>0.02</b>	<b>Jumlah Caj Semasa</b>	<b>-470.50</b>
		Jumlah	-470.48
		Amaun Penggenapan	-0.02
		<b>Jumlah Perlu Dibayar</b>	<b>-470.50</b>

Tuan/Puan akan menerima cek sejumlah yang tertera pada ruangan jumlah perlu dibayar pada bil fuan. Bagaimanapun, jumlah muhtamad akan bergantung kepada semakan akhir kami ke atas bil-bil yang masih belum dijelaskan lagi dan baki lebihannya akan dibayar sekiranya amaun melebihi RM10.

- Stream Code = 50
- Akaun Penamat berbaki kredit.
- Hubungi Pengurus Akaun TM untuk tindakan pemulangan baki.

## SLIP PEMBAYARAN



KASTAM DIRAJA MALAYSIA SARAWAK  
2 BLOK B BANGUNAN KASTAM  
JALAN GEDONG  
93450 KUCHING

No. Akaun: D35358-411-0806  
No. Bil: 010119016052  
Tarikh Bil: 01 FEB 2022  
Kod Hasil: 014  
Jumlah Perlu Dibayar: RM -470.50  
K30 PUKAL 50

Stream Code = 50